

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

AOP 356 - Pengurusan Perbandingan

Masa : [3 jam]

ARAHAN :

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan 1 daripada Bahagian A adalah **WAJIB**. Pilih **TIGA (3)** soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A : (**WAJIB**)

Soalan 1

- (a) Apakah yang dimaknakan dengan konsep "Budaya"? Bagaimana sikap mengenai perkara-perkara yang disenaraikan di bawah ini, boleh menunjukkan perbezaan di antara budaya yang berlainan?
- Pembuatan keputusan berpusat atau diagihkan (centralized/decetralized)
 - Keselamatan atau risiko (safety or risk)
 - Ganjaran berfokus kepada individu atau kumpulan (individual or group rewards)
 - Tahap kesetiaan yang tinggi atau rendah terhadap organisasi (high or low organizational loyalty)
 - Berkerjasama atau bersaing (cooperation or competition)
- (b) Bandingkan budaya negara anda dengan budaya negara Amerika Syarikat atau negara Jepun. Berdasarkan perbandingan ini, sejauh mana budaya boleh mempengaruhi tingkahlaku individu. Bincangkan.

[25 markah]

Bahagian B : (Pilih TIGA (3) soalan sahaja)

Soalan 2

- (a) Apakah definasi organisasi antarabangsa jenis:
- Etnosentrik (ethnocentric)
 - Polisentrik (polycentric)
 - "Regiocentric"
 - "Geocentric"
- (c) Organisasi jenis yang mana boleh membekalkan latihan pengurusan antarabangsa yang berkesan kepada ahlinya? Dan jenis organisasi yang mana tidak dapat membekalkan latihan pengurusan antarabangsa kepada ahlinya? Sertakan alasan anda.

[25 markah]

Soalan 3

- (a) Senarai dan definisikan kriteria yang harus diambil kira semasa pihak organisasi membuat pemilihan individu untuk bertugas di negara asing.
- (b) Pilih empat (4) kriteria yang anda anggap terpenting dan berikan alasan yang kukuh mengenai pilihan anda.

[25 markah]

Soalan 4

"Teori keperluan Maslow, boleh digunakan untuk semua manusia. Ini bermakna sebuah organisasi yang ingin beroperasi di negara asing, harus pastikan pihak pengurusan memahami teori ini dan melaksanakan polisi yang mencerminkan teori ini, supaya masalah memotivasikan pekerja tidak timbul"

Apakah pendapat anda mengenai kenyataan di atas? Bincangkan pendapat anda.

[25 markah]

...3/-

Soalan 5

- (a) Definisikan setiap konsep budaya organisasi yang disenarai di bawah:
- (i) Keluarga "Family"
 - (ii) "Eiffel Tower"
 - (iii) Peluru berpandu "Guided missile"
 - (iv) "Incubator"
- (b) Mengikut analisis anda, budaya organisasi jenis mana yang sesuai untuk kebanyakan individu dari Malaysia. Bincangkan pendapat anda.
- (c) Berasaskan jawapan anda, kenapakah kefahaman mengenai budaya organisasi penting dalam bidang pengurusan antarabangsa?

[25 markah]

---ooo000ooo---

